



## PELANCONGAN ISLAM DAN PERANANNYA DALAM MEMPROMOSIKAN KESEJAHTERAAN HIDUP DI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Balqis Ibrahim<sup>1</sup>, Marwa Zahidah Mat Ropi<sup>1</sup>, Nurizzati Zahidi<sup>1</sup>, Fazlina Abdullah<sup>1</sup>, Nur Illyyina Yasmin Zulkifli<sup>1</sup> & Wan Mohd Yusof Bin Wan Chik<sup>2</sup>  
[balqis.unisza@gmail.com](mailto:balqis.unisza@gmail.com)

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin

<sup>2</sup> Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE)

---

### ABSTRAK

**Pengenalan:** Pelancongan adalah salah satu medium perkembangan Islam yang mempunyai impak dan pengaruh tersendiri. Ia dilakukan dengan pelbagai tujuan melibatkan ibadah, persaudaraan, perniagaan, dakwah dan pendidikan. Kesemua aspek ditentukan berdasarkan elemen niat, cara dan tempat pelancongan. **Objektif:** Kertas kerja ini menjelaskan peranan sektor pelancongan Islam dalam mempromosikan aspek kesejahteraan hidup di negeri Terengganu. **Metodologi:** Pengumpulan data melibatkan kajian kepustakaan seperti bahan bacaan buku, jurnal, tesis dan majalah serta laman web yang berautoriti. **Dapatan:** Kajian mendapati industri pelancongan Islam adalah sesuatu yang amat relevan di negeri Terengganu. Ia merujuk kepada banyak aspek terutamanya pendidikan, perhotelan, spiritual dan warisan. **Kesimpulan:** Sektor-sektor amat penting bagi menggambarkan kesejahteraan hidup umat Islam dan sejajar dengan tuntutan maqasid Syariah. Walaupun begitu, aspek fasiliti, kebersihan dan hospitaliti menjadi kekangan kepada kepesatan sektor pelancongan Islam sekaligus ia turut menggambarkan bahawa aspek kesejahteraan perlu dipertingkatkan.

**Kata kunci:** Pelancongan Islam, Kesejahteraan, Spiritual, Maqasid Syariah, Promosi

---

### PENGENALAN

Agama Islam adalah sebagai agama rasmi, yang mana terdiri daripada kira-kira 32 juta. Islam juga merupakan agama yang sering menggalakkan umatnya agar sentiasa melihat dunia luar dan bukan hanya melihat kepada kawasan setempat sahaja. Ekoran daripada itu, permusafiran, pengembaraan atau pelancongan merupakan suatu aktiviti yang sangat digalakkan oleh agama Islam. Melalui pelancongan, ia akan mendekatkan lagi manusia itu kepada penciptanya dengan melihat keindahan alam ini serta merenung anugerah kejadian yang telah diciptakan oleh Yang Maha Esa<sup>1</sup>.

---

<sup>1</sup> Mohd Izzuddin Mohd Noor, Fatimah Nadirah Mohd Noor (2018), *Pengaplikasian Maqasid Syariah Sebagai Parameter Konsep Hotel Patuh Syariah*, Kolej Universiti Islam Melaka, Jurnal 'Ulwan jilid 1,

Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum. Pada tahun 2011, Malaysia terdiri daripada 28.9 juta daripada jumlah penduduk dan daripada 61.4% adalah penduduk Islam yang bersamaan dengan 17744600<sup>2</sup>. Secara umumnya sektor pelancongan merupakan penyumbang utama kepada pendapatan sesebuah negara dan antara sektor terbesar di dunia. Sektor pelancongan hari ini juga telah dikategorikan sebagai ekonomi berpotensi cerah dan menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara, penyediaan peluang-peluang pekerjaan dan meningkatkan imej negara di mata dunia khususnya Malaysia. Negeri Terengganu pula merupakan salah sebuah negeri yang majoriti penduduknya beragama Islam. Oleh itu, pelaksanaan konsep patuh syariah mudah untuk diaplikasikan. Sebagai contoh dalam pelancongan pendidikan, perniagaan, spiritual dan warisan.

Konsep pelancongan Islam yang perlu dititikberatkan ketika melancong adalah makanan halal, penginapan mesra Islam dan aktiviti yang tidak melanggar syarak. Dalam menjadikan sesebuah destinasi itu satu destinasi tumpuan bagi pelancong Islam, pihak destinasi pelancongan mestilah memastikan keperluan dan kehendak pelancong Islam terjamin dan dapat menyesuaikan dengan destinasi dan kesesuaian destinasi. Hal ini bertepatan dengan moto negeri Terengganu iaitu “Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera”.

Dalam pada itu, sektor-sektor inilah yang menjadai alat mekanisme kepada Maqasid Syariah. Konsep kesejahteraan hidup seperti yang telah diterapkan dalam moto negeri Terengganu telah menjadi satu Maqasid Syariah yang terpenting bagi pelancong Islam dan juga bukan Islam. Istilah Maqasid Syariah merupakan gabungan antara dua perkataan Maqasid dan Syariah. Perkataan Maqasid merupakan perkataan jama' yang berasal daripada perkataan Maqasid iaitu tempat berniat<sup>3</sup>. Ianya juga bermaksud tujuan, pertengahan, kehendak dan niat (Engku Rabiah 2013). Manakala Syariah pula sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibnu Taimiyah setiap apa yang telah disyariatkan Allah daripada aqidah kepercayaan dan perbuatan<sup>4</sup>.

Maqasid Syariah dari sudut gabungan istilah bermaksud objektif, tujuan, kesan, dan hasil yang

---

<sup>2</sup> Siti Fatma Binti Mansor, Rosmawati Binti Mohamad Rasit (2015), *Ciri-ciri Hotel Patuh Syariah Terhadap Masa Depan Pelancongan Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur*. Prosiding Kolokium Jejak Warisan Ilmu Islam (JEWARIS) 2015

<sup>3</sup> Al-Hasan, Khalifah Babekar. (2000). *Falsafah Maqasid Al-Tasyri' fi Al-Fiqh Allislami*, Kaherah: Maktabah Wahbah. Halaman 6.

<sup>4</sup> Al-Yubi, Muhammad Saad bin Ahmad. (1998). *Maqasid Syariah wa Alaqatuha bi Al-Adillah Al-Syarie'yyah*, Riyadh: Dar Al-Hijrah. Halaman 30.

berkaitan dengan perintah syarak, bebanan taklif, di mana syarak menyuruh setiap mukallaf memahami dan mencapainya<sup>5</sup>. Maqasid Syariah ialah Tujuan daripada Syarak, dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh Allah SWT pada setiap hukum hakamNya<sup>6</sup>. Berdasarkan takrifan yang dikemukakan ini, Maqasid Syariah ialah apa yang diinginkan oleh Allah SWT kepada hambanya dalam bentuk kebaikan yang tersembunyi daripada pengamalan hukum syarak. Pengaplikasian Maqasid Syariah yang sebenar mestilah tidak bercanggah dengan nas-nas yang thabit daripada al-Quran dan al-Sunnah<sup>7</sup>. Apa yang thabit daripada nas- nas syarak tidak boleh berubah disebabkan ijihad yang menggunakan Maqasid Syariah kerana apa yang telah thabit daripada nas-nas tersebut, itulah Maqasid Syariah yang sebenarnya<sup>8</sup>.

Penggunaan akal semata-mata agar bertepatan dengan kehendak nafsu dalam mentakwil maqasid sesuatu hukum syarak adalah tidak dibenarkan sama sekali kerana ianya akan merosakkan dan meruntuhkan agama itu sendiri. Hal ini berlaku apabila sesetengah pihak sanggup menghalalkan apa yang haram atas nama masalah yang kononnya disokong oleh Maqasid Syariah. Maka dalam kertas kerja ini, kita ingin melihat sama ada apakah maqasid syariah benar-benar diaplikasikan dalam penggunaan sektor utama ini atau sekadar hanya pada nama tanpa sebarang perlaksanaan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kertas kerja ini menjelaskan peranan sektor pelancongan islam dalam mempromosikan aspek kesejahteraan hidup di negeri Terengganu. Hal ini bertepatan dengan moto negeri Terengganu iaitu “Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera”. Dalam menjadikan sesebuah destinasi itu satu destinasi tumpuan bagi pelancong Islam, pihak destinasi pelancongan mestilah memastikan keperluan dan kehendak pelancong Islam terjamin dan dapat menyesuaikan dengan destinasi dan kesesuaian destinasi agar pelancong dapat merasa tenang, aman dan damai ketika melancong di negeri ini.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metod kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif. Metod pengumpulan data pula adalah melalui kajian kepustakaan dilakukan terhadap bahan literatur secara mendalam,

---

<sup>5</sup> Al-Raisuni, Ahmad. (2010). *Al-Madkhal Ila Maqasid Al-Syariah*, Mansurah: Dar Al-Kalimah. Halaman 7.

<sup>6</sup> Al-Fasy, 'Allal. (1993). *Maqasid Al-Syariah Al-Islamiyyah wa Makarimuha*, t.t: Dar Al-Gharb Al-Islami, Halaman 7.

<sup>7</sup> Al-Yubi, Muhammad Saad bin Ahmad. (1998). *Maqasid Syariah wa Alaqatuha bi Al-Adillah Al-Syarie'yyah*, Riyadh: Dar Al-Hijrah.

<sup>8</sup> Al-Khadimi, Nur Al-Din bin Mukhtar. (1998). *Al-Ijtihad Al-Maqasidi*, Qatar: Wizarah Al-Awqaf wa Al-Syu'un Al-Islamiyyah. Halaman 43.

seperti artikel, jurnal, tesis, buku dan laman web yang berkaitan dengan langsung dengan pendidikan, perhotelan, institusi masjid, permakaman serta penginovasian pemeliharaan artifak menurut Maqasid Syariah. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan dilihat dari sudut kacamata perspektif Maqasid Syariah bagi memperlihatkan bahawa Maqasid Syariah boleh diaplikasikan dalam memperkasakan lagi industri sumber utama patuh Syariah. Data dikumpul melalui laman-laman web yang terpelihara oleh hak cipta kerajaan negeri Terengganu.

## **DAPATAN KAJIAN**

Pelancongan Islam dilihat sebagai salah satu produk pelancongan yang baru dan berpotensi untuk berkembang. Ia semakin mendapat permintaan ramai termasuklah dari pelancong domestik ataupun antarabangsa<sup>9</sup>. Sektor pelancongan hari ini juga telah dikategorikan sebagai ekonomi berpotensi cerah dan menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara, penyediaan peluang-peluang pekerjaan dan meningkatkan imej negara di mata dunia khususnya Malaysia. Pelancongan Islam ini dapat dikembangkan melalui pendidikan, perniagaan, dakwah, ibadah, sejarah ketamadunan dan lain-lain lagi. Malaysia telah mewujudkan Tahun Melawat Kelantan 2012, Tahun Melawat Perak 2017 dan Tahun Melawat Terengganu 2018 bagi menggalakkan lagi para pelancong untuk menikmati keindahan di negara Malaysia dan menikmati tarikan produk pelancongan ini. Hal ini bertepatan kearah merealisasikan Matlamat Pembangunan Lestari atau dalam bahasa Inggerisnya, Sustainable Development Goals (SDGs). SDGs telah menjadi agenda global apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memperkenalkan 17 matlamat yang perlu dicapai oleh semua negara bangsa menjelang 2030<sup>10</sup>. 17 matlamat tersebut dapat lihat pada gambar rajah di bawah,

---

<sup>9</sup> Haliza Abdul Rahman (2018), *Potensi Dan Cabaran Dalam Memajukan Pelancongan Islam Di Malaysia*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Jabatan Kesihatan Persekitaran & Pekerjaan, Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan, UPM, Halaman 507

<sup>10</sup> Azmizam Abdul Rashid (2019), *Matlamat Pembangunan Mampan dan Agenda Perbandaran Baharu di Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan: Dari Dasar Global Kepada Pelaksanaan Tempatan*, Universiti Malaysia.



Rajah 1.0 menunjukkan 17 matlamat SDGs

Negara-negara Islam merupakan salah satu destinasi yang sering menjadi perhatian pelancong berikutan berkembangnya permintaan terhadap pelaksanaan pelancongan yang bercirikan kepada Islam. Daripada ini dapat dilihat bagaimana berlakunya perkembangan pelaksanaan penerapan ciri-ciri Islam dalam lima bidang utama iaitu Pendidikan, perhotelan, institusi masjid, permakaman serta penginovasian pemeliharaan artifak yang seterusnya sedikit sebanyak menarik pelancong untuk mempelajari dan menimba pengetahuan mengenai sistem yang dilaksanakan di negeri Terengganu berdasarkan lima bidang utama tersebut.

Maqasid Syariah terdiri daripada prinsip-prinsip asas atau juga disebut sebagai *Kuliyyat al-Khams*. Matlamat Syariah adalah berdasarkan kepada lima unsur utama iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan juga harta. (Imam al-Ghazali, 1993). Ia juga boleh dikaitkan dengan sistem pendidikan terutamanya di negeri Terengganu sejajar dengan perkembangan pelancongan Islam yang semakin meluas di negara-negara Islam. Kesenambungan daripada itu sistem pendidikan mestilah berasaskan kepada lima unsur ini dan ini dapat dilihat pengamalannya di negeri-negeri khususnya negeri Terengganu di mana menekankan kepada mempertahankan negara dan kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan dan agama-agama lain bebas diamalkan<sup>11</sup>.

<sup>11</sup> Zubair Amir Nur Rashid, Nur Madia Mazri, Fuad Md Sawari, Nan Noorhidayu Megat Laksamana (2019), Aplikasi Maqasid Syariah Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia: Pembelajaran Abad ke-21. *International Journal of Business, Economics and Law*, 18 (6). Halaman 89

Jika dilihat Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS2030) dari sudut perkembangan dalam sistem Pendidikan di Terengganu menawarkan penubuhan Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI) dan Sekolah Menengah Islam Darul Iman (SMIDI). Penubuhan SRIDI ini akan melibatkan beberapa kawasan iaitu di Bandar Al-Muktafi Billah Shah, Dungun, Ajil (Hulu Terengganu), Binjai Rendah (Marang), Kubang Jela (Kuala Nerus), Kampung Raja (Besut) dan Losong (Kuala Terengganu). Antara SMIDI yang telah ditubuhkan di Terengganu ialah SMA Sultan Zainal Abidin Kuala Terengganu, SMA Khairiah Kuala Terengganu, SMA Sultan Zainal Abidin Ladang, SMA Marang, SMA Sultan Ismail Dungun, SMA Al-Falah Kemaman, SMA Mahmudiah Kuala Berang, SMA Maarif Kg Raja Besut, SMA Ittifakiah Jerneh dan SMA Setiu Terengganu<sup>12</sup>. Kedua-dua jenis sekolah ini menekankan gabungan aspek Pendidikan Al-Quran, agama Islam dan Bahasa Arab serta sistem pendidikan arus perdana masa kini. Penubuhan dua buah jenis sekolah agama ini adalah sebagai salah satu pelaburan modal insan bagi melahirkan modal insan yang berkualiti, mempunyai nilai-nilai murni, berakhlak mulia dan berdaya saing. Di samping itu, penubuhan dua jenis sekolah ini juga dapat melahirkan para pelajar yang cemerlang dalam akademik serta mempunyai akhlak dan sahsiah yang tinggi.

Negeri Terengganu merupakan sebuah negeri yang terkenal dengan kecemerlangan pendidikannya dan berjaya mengekalkannya. Antara kejayaan yang dapat dibanggakan dalam pencapaian akademiknya ialah kejayaan Terengganu dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang mengatasi Purata Gred Keseluruhan (PGK) di peringkat nasional. Selain itu, kerajaan negeri juga telah memperuntukkan sebanyak RM3.5 juta bagi menubuhkan Akademik Didik Ulama Amilin Terengganu (DUAT) yang bertujuan melatih para pendakwah dengan pelbagai ilmu dan kemahiran kontemporari. Kerajaan negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu telah mewujudkan juga Program Sijil Pengajian Agama Islam Terengganu (SPAIT) iaitu Kelas Pengajian Agama Hujung Minggu bagi mereka yang berumur 25 tahun ke atas. Program SPAIT ini memberi manfaat kepada mereka dalam menuntut ilmu-ilmu agama subjek Tauhid, Feqah dan Tasawuf.

---

<sup>12</sup> Noraini Jusoh (2019), *Sidang DUN: Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin, Teganu Kita*. Dicapai pada 17 Oktober 2019 di <https://www.teganukita.net/2019/04/sidang-dun-titah-ucapan-kebawah-duli.html>

Kesinambungan daripada itu juga, Sekolah Agama Rakyat (SAR) juga menjadi asbab kepada produk pelancongan Islam untu menarik minat pelancong melawat ke negeri Terengganu<sup>13</sup>. Terengganu begitu sinonim dengan sistem sekolah agama rakyat, sekolah rendah Islam, sekolah menengah Islam dan seterusnya juga tertubuhnya maahad tahfiz. Disebut juga mengenai sekolah pondok yang menjadi salah satu sumber kewangan kepada rakyat negeri Terengganu jika dilihat dari sudut pelancongan jika diselaraskan semua pusat ilmu di bawah satu sistem Pendidikan yang lebih tersusun. Sekolah pondok sebanyak 65 boleh dijadikan sebagai suatu inap desa untuk dilawati pelancong terutamanya dari Indonesia, Brunei, Singapura dan Thailand bagi mereka melihat dan meneliti sendiri bagaimana proses pembelajaran yang lebih menekankan kepada keagamaan dan kehidupan di sekolah pondok ini.

Di samping itu, dapat juga dilihat bagaimana sistem pendidikan di Terengganu menjadi punca kepada perkembangan pelancongan Islam iaitu melalui program pertukaran pelajar yang dilakukan di peringkat pengajian tinggi khususnya iaitu Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan beberapa universiti luar negara. Antara kerjasama UniSZA dengan universiti luar ialah 10 buah universiti di Jordan melalui Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang diadakan di Education Malaysia Jordan, Amman, Jordan serta Universitas Muhammadiyah Sidoarjo (UMSIDA)<sup>14</sup>. Rentetan daripada itu, bukan sahaja dapat menaikkan dan mempromosikan nama UniSZA bahkan dapat juga memperkenalkan keunikan dan keindahan yang terdapat di negeri Terengganu. Hal ini secara tidak langsung dapat memperkembangkan dan meningkatkan sektor pelancongan negara kerana disamping pelajar-pelajar dari universiti luar didedahkan mengenai sistem pembelajaran disini mereka turut didedahkan dengan aktiviti-aktiviti dan tempat menarik di sekitar Terengganu. Tukaran mata wang dinar Jordan kepada Ringgit Malaysia (RM) yang tinggi juga menjadi daya tarikan pelajar dari Jordan untuk belajar di UniSZA dan ini tidak dapat tidak dapat meningkatkan sektor pelancongan Islam.

---

<sup>13</sup>Rohayati Ripin (2019), *Sekolah Agama Rakyat Jadi Produk Pelancongan Islam*, dicapai pada 17 Oktober 2019 di <https://www.teganukita.net/2019/04/sekolah-agama-rakyat-jadi-produk.html>

<sup>14</sup> UniSZA (2018). UniSZA Jalin Kerjasama 10 universitas di Jordan. Dicapai pada [https://www.unisza.edu.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=1728:unisza-jalin-kerjasama-10-universiti-di-jordan&catid=85&lang=ms&Itemid=1010](https://www.unisza.edu.my/index.php?option=com_content&view=article&id=1728:unisza-jalin-kerjasama-10-universiti-di-jordan&catid=85&lang=ms&Itemid=1010)

Agama Islam bersifat syumul iaitu melengkapikan seluruh aspek kehidupan manusia dan tidak mengabaikan aspek pendidikan, nilai-nilai murni serta etika dalam pensyariatannya<sup>15</sup>. Terbuktilah Maqasid Syariah berdasarkan kepada lima unsur iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta sedikit sebanyak berkait rapat dengan sistem pendidikan terutamanya maqasid menjaga akal. Hal ini disebabkan kerana konsep belajar dan menimba ilmu merupakan satu proses dalam menyuburkan akal dengan mengisinya dengan perkara yang bermanfaat.

Selain itu, industri perhotelan juga sepatutnya tidak ketinggalan dalam mempopularkan konsep patuh syariah kerana industri ini juga berkait dengan pelancongan Islam dari segi pelancongan perniagaan. Istilah hotel patuh syariah bermaksud hotel yang memberikan perkhidmatan yang selaras dengan prinsip-prinsip syariah<sup>16</sup>. Menurut Shofian Ahmad<sup>17</sup>, patuh syariah ialah satu status yang diberikan oleh pihak tertentu kepada sesebuah organisasi yang menjalankan aktiviti yang sesuai dengan hukum Islam. Ianya bukan hanya tertumpu kepada aspek zahir luaran seperti seni bina, atau corak bangunan ala Islamik yang mempunyai bentuk kubah atau replika bulan bintang. Namun apa yang lebih penting ialah ciri-ciri dalaman, dan intipati kewujudan hotel tersebut mestilah berasaskan kepada ajaran Islam yang luas.

Dalam masa yang sama, ianya tidak boleh hanya menyajikan masakan yang halal bahkan konsep patuh syariah itu lebih luas menjangkau kepada aspek-aspek yang lain. Kewujudan hotel patuh syariah dapat merealisasikan konsep beribadah yang luas walaupun ketika berada di negara atau tempat orang lain. Ianya membantu para pelancong membesarkan Allah dengan tidak lupa melakukan segala arahan dan tuntutan kewajipan sebagai seorang Muslim walaupun ketika sibuk dan seronok melancong. Bahkan ianya dapat merealisasikan slogan 'mencari yang halal itu kewajipan setiap individu Muslim walau di mana sahaja mereka berada'<sup>18</sup>.

---

<sup>15</sup> Zubair Amir Nur Rashid, Nur Madia Mazri, Fuad Md Sawari, Nan Noorhidayu Megat Laksamana (2019), Aplikasi Maqasid Syariah Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia: Pembelajaran Abad ke-21. *International Journal of Business, Economics and Law*, 18 (6). 89

<sup>16</sup> Siti Fatma Binti Mansor, Rosmawati Binti Mohamad Rasit (2015), *Ciri-ciri Hotel Patuh Syariah Terhadap Masa Depan Pelancongan Islam Di Malaysia* : Satu Tinjauan Literatur. Prosiding Kolokium Jejak Warisan Ilmu Islam (JEWARIS) 2015. Halaman 5.

<sup>17</sup> <http://ukmsyariah.org/terbitan/wp-content/uploads/2016/12/00-Shofian-Ahmad.pdf>(diakses pada 17 Oktober 2019)

<sup>18</sup>Dr. Hazrul Shahiri, Dr. Mohd Adib Ismail (2018). *Menggarap Cabaran Revolusi Industri 4.0 Menuju Negara Berpendapatan Tinggi*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia.



Baru-baru ini Terengganu telah memperkenalkan hotel pertama berkonsepkan patuh syariah melalui pembukaan Hotel Paya Bunga yang memulakan operasi rasminya awal bulan Disember tahun lalu. Menteri Besar, Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, seiring dengan hasrat itu segala urusan operasi hotel akan selari dengan keperluan syariah sama ada pemakaian kakitangan, pergaulan, penyediaan makan minum mahupun perkhidmatan kepada tetamu<sup>19</sup>.

Pengerusi Lembaga Pengarah Paya Bunga Hotel Terengganu, Datuk Khairuddin Aman Razali berkata, hotel milik kerajaan negeri itu merupakan yang pertama diumumkan sebagai patuh syariah, yang bukan hanya melibatkan penyediaan makanan halal, tetapi merangkumi pengurusan hotel berlandaskan hukum syarak.

Ia bukan hanya melibatkan minuman halal dan haram tetapi melibatkan aspek pengurusan hotel, pengurusan akaunnya, kewangan, sumber manusia, pekerjaan, pakaian, layanan serta perkhidmatan kepada pelanggan. Pihak hotel turut menyediakan tempat solat berjemaah di surau dan kuliah oleh ustaz yang dilantik. Ciri patuh syariah lain yang diterapkan, termasuklah memastikan pekerja Muslim menutup aurat serta tidak menghidangkan minuman keras. Selain itu, katanya pelanggan juga tidak dibenarkan berbikini semasa melakukan aktiviti terbuka, termasuklah ketika berada di kolam renang, walaupun orang bukan Islam dibenarkan berpakaian biasa yang sopan.

Beliau berkata<sup>20</sup>, pihak hotel juga tidak memaksa pelanggan wanita beragama Islam memakai tudung, walaupun mereka dilarang berpakaian menjolok mata. "Pakai sesuai dengan budaya Timur, kita tidak paksa mereka pakai tudung sebab itu hak mereka," katanya merujuk kepada aktiviti di kolam renang. Katanya, orang bukan Islam tidak perlu bimbang dengan pendekatan patuh syariah yang dilaksanakan kerana ia tidak bermaksud seseorang itu perlu memeluk agama Islam, malah mereka dialu-alukan untuk menikmati hospitaliti hotel yang patuh syariah sepenuhnya. "Kita mengalu-alukan orang bukan Islam

---

<sup>19</sup> Rahayu Mustafa(2018), *Terengganu Perkenal Hotel Patuh Syariah*. Terbitan: Sinar Harian.

<sup>20</sup> Faiz Zainudin (2019), *Terengganu Perkenal Hotel Patuh Syariah, Pekera Tutup Aurat, Larang Bikini, Arak*. Terbitan: Free Malaysia Today(FMT)

<sup>16</sup> Mohd Hilme bin Umar, Muhammad Faisal Bin Ashaari (2018), *Pelaksanaan dan Pengurusan Masjid Pelancongan di Malaysia*

<sup>17</sup> <http://tourism.terengganu.gov.my/> (2017), Kuala Terengganu – Bandaraya Warisan Pesisir Air

<sup>18</sup> <https://www.hmetro.com.my/node/197097/amp> (2017), Masjid kayu cengal tanpa paku

menikmati hospitaliti di sini sebab patuh syariah kita adalah terbaik untuk semua golongan, bukan orang Islam sahaja," katanya.

Berikutan kewujudan hotel patuh Syariah ini, kita menjangkakan pertambahan pelancong Islam mahupun bukan Islam tidak kira sama ada dari dalam atau luar negara. Hotel patuh Syariah ini adalah berbeza dengan hotel-hotel lain. Hal ini demikian kerana kita perlu mengetengahkan konsep Islam dalam sektor perniagaan khususnya perhotelan.

Selain itu, pelancongan Islam boleh diaplikasikan dalam bidang spiritual dan warisan. Antaranya dalam institusi masjid, pemakaman para ulama serta pemeliharaan artifak. Institusi masjid merupakan institusi penting terhadap umat Islam di Malaysia dan dunia amnya. Ia merupakan destinasi pelancongan yang mendapat sambutan yang baik dalam kalangan pelancong berikutan ianya merupakan pelancongan yang menjurus kepada dakwah dan ibadah.

Antara masjid yang menarik perhatian pelancong adalah Masjid Kristal, Masjid Kayu Seberang Jertih yang mana ianya bukan sahaja tempat ibadah kepada umat Islam bahkan juga merupakan pusat penyampaian maklumat berkaitan agama Islam dan mempunyai keunikan pada seni bina dan latar belakang sejarah masjid.<sup>16</sup>

Oleh kerana Masjid Kristal terletak dalam kawasan Taman Tamadun Islam (TTI), masjid ini dikelilingi oleh 22 buah replika monumen-monumen masjid dan replika kelincir air tradisional.<sup>17</sup> Masjid Kristal juga ada menyediakan baju jubah bagi orang bukan Islam untuk menutup aurat bagi menghormati agama rasmi di sini iaitu agama Islam. Manakala Masjid Kayu Seberang Jertih atau sekarang dikenali dengan nama Masjid Ulul Albab juga tidak kurang mampu menarik ramai pelancong kerana masjid ini diperbuat daripada kayu cengal tanpa paku<sup>18</sup> yang menjadikan masjid ini lebih terserlah keindahan dan keunikannya. Masjid ini melambangkan mercu tanda keagungan dan ketamadunan tinggi Islam Nusantara.

Selain itu, bangunan masjid ini turut dilengkapi dengan kemudahan bilik mesyuarat, bilik musafir, dewan kuliah, ruang solat untuk orang kelainan upaya (OKU) dan bilik pengurusan jenazah. Di atas pintu utama masjid diukir dengan ayat suci al-Quran iaitu

doa keluar dan masuk masjid, sementara pagar depan mimbar diukir corak tenunan songket Terengganu. Begitu juga dengan pagar kayu di ruang serambi juga turut berkonsepkan corak tenunan songket negeri itu.

Di samping itu, dapat juga dilihat perkembangan Islam dari sudut pelancongan melalui pemakaman para ulama'. Makam merupakan tempat persemadian dan bukannya mampu memberi apa-apa kelebihan. Oleh itu, niat seharusnya betul sekiranya menziarahi makam terutama makam tokoh agama. Menziarah makam tidak salah, malah ia satu amalan yang baik kerana mampu mengingatkan mengenai kematian. Namun apabila dicampur dengan perbuatan khurafat, ia boleh merosakkan akidah. Sebagai seorang ulama yang bertanggungjawab dan berpengaruh, hukum-hukum Islam terlaksana secara meluas dalam sistem pentadbiran dan kehidupan sehingga Terengganu terus terkenal sebagai negeri yang berpegang teguh dengan Islam di sekitar pertengahan abad ke-18 Masihi.

Salah satu makam ulama' yang terkenal di Terengganu ialah Syeikh Abdul Malik atau lebih dikenali sebagai Tok Ku Pulau Manis<sup>21</sup>. Beliau dilahirkan di Kampung Pauh, Hulu Terengganu pada tahun 1650-an. Menerima pendidikan agama diperingkat awal dari kaum keluarganya sendiri. Beliau berketurunan *Sharif Muhammad*, yang berasal dari Baghdad, mempunyai pertalian darah dengan *Sharif Hidayatullah* (Sunan Gunung Jati), salah-seorang Wali Songo yang terkenal di Indonesia dan Nusantara. Beliau juga mempunyai nasab dari keluarga Rasulullah Saw melalui *Syaidina Hussien RA, Putera Syaidina Ali bin Abu Talib dengan Syaidatina Fatimah binti Rasulullah SAW*. Syeikh Abdul Malik atau Tok Ku Pulau Manis meninggal dalam lingkungan usia 86 tahun iaitu pada tahun 1149H bersamaan 1736Masihi sebagaimana yang terakam pada makamnya. Beliau dikebumikan di Tanah Permakaman Islam Kampung Pulau Manis, Serada, Kuala Terengganu.

Selain itu, Saiyid Abdur Rahman bin Saiyid Muhammad bin Saiyid Zainal Abidin al-Aidrus. Saiyid Abdur Rahman al-Aidrus yang juga merupakan ulama' terkenal di negeri ini mempunyai beberapa nama gelaran yang mana paling popular ialah Tok Ku Paloh. Gelaran lain ialah Engku Saiyid Paloh, Engku Cik, Tuan Cik dan Syaikh al-Islam Terengganu. Ulama' ini juga terkenal dengan kepahlawanan. Tok Ku Paloh mempunyai

---

<sup>21</sup> <http://trg3m-ulama-silam-terengganu.blogspot.com/?m=1> (Diakses pada 17 Oktober 2019)

beberapa orang adik-beradik. Ada yang seibu sebapa dan ada juga yang berlainan ibu. Adik-beradik kandung Tok Ku Paloh ialah Saiyid Zainal Abidin al-Aidrus yang digelar dengan Engku Saiyid Seri Perdana, Saiyid Ahmad al-Aidrus digelar Tok Ku Tuan Ngah Seberang Baruh dan Saiyid Mustafa al-Aidrus yang digelar Tok Ku Tuan Dalam.

Tok Ku Paloh wafat<sup>22</sup> pada bulan 1 hb Zulhijjah 1336 Hijrah/7 hb September 1918 Masihi dan dimakamkan di tanah perkuburan “Makam Tok Ku Paloh” yang terletak berhampiran dengan rumahnya dan suraunya. Pemakaman para ulama’ ini merupakan salah satu faktor kedatangan pelancong Islam dan bukan Islam dari dalam dan luar negara untuk berziarah. Amalan menziarahi makam para ulama’ juga merupakan wasilah dakwah dan untuk mengingati kematian serta mendekatkan diri kepada Allah yang Maha Esa.

Pelancongan Islam juga boleh berkembang melalui pemeliharaan artifak. Pemeliharaan artifak merupakan wasilah pelancongan berteraskan sejarah dan warisan. Fakta bahawa Terengganu sebagai tempat awal di tanah melayu yang menerima dan mengamalkan ajaran Islam di tanah melayu didasarkan kepada wujudnya beberapa artifak yang terpelihara sehingga kini yang khusus merangkumi kitab atau manuskrip agama, institusi pendidikan islam seperti pondok, makam seseorang ulama, masjid tertua serta pengaruh pemikiran Islam yang berkekalan serta dapat dikesan penggunaannya secara meluas di dalam masyarakat<sup>23</sup>t. Batu bersurat Terengganu merupakan antara artifak yang dikekalkan di negeri Terengganu. Pada tahun 1887, Batu Bersurat telah dijumpai di kawasan Padang Tara, di tepi Sungai Tara, di Kampong Buloh, Kuala Berang, Hulu Terengganu. Kemudian pada tahun 1902, Batu ini dijumpai pula oleh Saiyed Husin Bin Ghulam Al-Bukhari, seorang ahli perniagaan, di bahagian tangga surau Kampung Buloh yang di jadikan alas membasuh kaki untuk naik ketangga surau tersebut. Batu itu telah patah sebahagian di sebelah atasnya.

Saiyed Husin meminta Penghulu Ali dan orang kampung mengangkat dan meletakkannya di atas rakit untuk dibawa ke Kuala Terengganu. Sampai di Kuala Terengganu, Batu ini dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Zainal Abidin III dan kemudian

---

<sup>22</sup> <https://www.geni.com/people/Tok-Ku-Paloh-Sayyid-Abdul-Rahman-Sayyid-Muhammad-Al-Idrus/6000000002533200144>  
(Diakses pada 22 Oktober 2019)

<sup>23</sup> Rahimin Affandi Abd Rahim, Paizah Ismail, Mohd Kamil Abd Majid, Nor Hayati Md. Dahlal (2010) Batu Bersurat Di Terengganu: Satu Tafsiran Terhadap Pelaksanaan Syariah Islam: Jurnal Fiqh. Department of Fiqh & Usul Academy of Islamic Studies University of Malaya

Batu itu diletakkan atas Bukit Puteri. Pada tahun 1922 Timbalan Penasihat Inggeris Di Terengganu Encik H.S. Peterson meminta seorang Jurufoto berbangsa Jepun N. Suzuki mengambil gambar dan dihantarkan kepada C.O. Blegden untuk dibuat pembacaan.

Batu ini bertulis di dalam bahasa Melayu dengan tulisan jawi bertarikh 702 Hijrah. Tulisan pada Batu ini menerangkan Islam sebagai agama rasmi dan hukum-hukum Islam mengenai perbuatan maksiat dan kenyataan-kenyataan palsu berserta dengan hukuman mengikut taraf seseorang.

Pada tahun 1923, Batu ini telah dihantar ke Muzium Singapura dengan jalan pinjaman. Apabila Muzium Negara di Kuala Lumpur siap dibina, batu tersebut telah dibawa ke Kuala Lumpur sebagai pinjaman dari Muzium Raffles Singapura.

Pada 12 Februari 1987, Kerajaan Negeri Terengganu telah menulis surat kepada Jabatan Muzium menyatakan hasrat untuk mendapatkan kembali Batu Bersurat tersebut untuk dijadikan bahan pameran di Muzium Negeri Terengganu. Pada tahun 1991, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya Batu Bersurat dipulangkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

Pada 6 Julai 1991, jam 9.30 pagi suatu upacara penyerahan kembali Batu Bersurat kepada Kerajaan Negeri Terengganu telah berlangsung di Dewan Perjanjian, Tingkat 18, Wisma Darul Iman di antara Kerajaan Persekutuan yang di wakili oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Perlancongan Encil Ismail bin Adam dengan Kerajaan Negeri Terengganu kepada Y.A.B. Dato' Seri Amar Di Raja Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad, Menteri Besar Terengganu.

Oleh itu, peninggalan artifak seperti ini mampu menarik lebih ramai pelancong untuk melancong ke negeri Terengganu. Batu Bersurat ini merupakan sebuah peringatan berbahasa Melayu yang terawal yang dijumpai di Semenanjung Malaysia berkaitan dengan pengisytiharaan agama Islam sebagai agama rasmi dan Undang-Undang Islam<sup>24</sup>. Ianya sebagai sumber asas untuk mengetahui tentang bagaimana bentuk pengamalan

---

<sup>24</sup> Rahimin Affandi Abd Rahim, Paizah Ismail, Mohd Kamil Abd Majid, Nor Hayati Md. Dahlal (2010) Batu Bersurat Di Terengganu: Satu Tafsiran Terhadap Pelaksanaan Syariah Islam: Jurnal Fiqh. Department of Fiqh & Usul Academy of Islamic Studies University of Malaya

undang-undang islam dalam institusi melayu tradisi yang telah dilaksanakan dalam konteks zaman silam. Apatah lagi Batu Bersurat Terengganu merupakan karya perundangan pertama yang pernah dihasilkan oleh masyarakat Melayu Islam yang kemudiannya telah ditiru oleh negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Tanpa maklumat ini, kita mungkin akan gagal menjawab banyak tohmahan buruk yang dilontarkan oleh sesetengah sarjana barat yang menyatakan bahawa bentuk pengamalan undang-undang Islam di zaman tradisi ini adalah kucar kacir, tidak bertamadun, bersifat terlalu autoraksi dan tidak pernah dilaksanakan dalam masyarakat Melayu.

Di samping itu, pameran artifak Rasulullah merupakan salah satu cara pemeliharaan artifak pada zaman kini. Pameran artifak ini adalah sejuzuk daripada cara untuk mendekatkan kita dan menjadikan kita cinta kepada Rasulullah SAW. Kita perlu mengetahui betapa banyaknya musuh Islam yang cuba memberi gambaran tidak sah tentang Rasulullah SAW.

Pameran Jelajah Nusantara telah diadakan di Terengganu pada 23 September hingga 23 Oktober 2018<sup>25</sup>. Pameran ini bukan sahaja dikunjungi rakyat Terengganu bahkan dari seluruh negara dan dunia. Pameran ini bukan sahaja memberi ilmu pengetahuan kepada pengunjung malah meningkatkan sektor pelancongan negeri Terengganu sendiri.

Antara artifak yang dipamerkan adalah rambut, janggut, darah bekam, serban, tongkat bekas air zamzam, pasir makam Rasulullah SAW dan kunci makan tersebut.<sup>26</sup> Pameran ini juga bermatlamat untuk memberikan pendidikan sumber impresif dan pengetahuan kepada pengunjung mengenai kegemilangan tamadun Islam. Semua artifak ini merupakan koleksi dari Tanah Arab seperti Mekah dan Madinah serta Yaman dan Turki. Jelasnya, setiap artifak yang dipamer, disertakan dengan informasi yang lengkap dan memudahkan orang ramai untuk memahaminya. Pameran sebegini amat penting buat diri kita sebagai umat Nabi Muhammad SAW kerana kita berpeluang melihat sendiri artifak yang turut menjadi rakaman sejarah kehidupan dan perjuangan Baginda. Melalui pameran artifak yang diadakan seperti ini, masyarakat akan mendapat manfaat dan sekali gus menguatkan lagi cinta kepada Nabi Muhammad SAW. Dalam kita menerokai kisah

---

<sup>25</sup> <https://www.teganukita.net/2018/10/pameran-jelajah-nusantara-pamer-32.html> (Diakses pada 20 Oktober 2019)

<sup>26</sup> <https://www.mstar.com.my/xpose/addin/2019/07/29/pameran-artifak-rasulullah> (Diakses pada 20 Oktober 2019)

hidup dan peninggalan Rasulullah SAW, kita boleh mengambil sedetik masa merenung kembali sejauh mana kita benar-benar menjadikan Baginda sebagai suri teladan dalam hidup kita<sup>27</sup>.

## **KESIMPULAN**

Tidak dinafikan sektor pelancongan merupakan salah satu industri yang menjadi penyumbang dalam meningkatkan ekonomi negara melalui tarikan pelancong-pelancong dari dalam mahupun luar negara ke negara Malaysia. Dapat disimpulkan bahawa pelancongan Islam ini merangkumi elemen yang sangat luas yang berlandaskan dengan prinsip-prinsip Islam yang diterapkan dalam bidang pendidikan, perniagaan, spiritual dan warisan. Sektor-sektor ini amat penting bagi menggambarkan kesejahteraan hidup umat Islam dan sejajar dengan tuntutan maqasid Syariah Diharap akan ada pertambahan dalam bidang-bidang lain bagi memenuhi konsep pelancongan Islam pada masa akan datang. . Walaupun begitu, aspek fasiliti, kebersihan dan hospitaliti menjadi kekangan kepada kepesatan sektor pelancongan Islam sekaligus ia turut menggambarkan bahawa aspek kesejahteraan perlu dipertingkatkan. Justeru, dapat disimpulkan bahawa pelancongan Islam di Terengganu sekadar pelancongan yang berkonsepkan santai sahaja. Oleh itu, kerajaan negeri Terengganu haruslah memainkan peranan dalam mengembangkan lagi bidang-bidang utama agar sektor pelancongan ini terkenal dimata dunia amnya. Kesemua sektor ini menjadi elemen dalam mempromosikan pelancongan Islam khususnya di negeri Terengganu.

---

<sup>27</sup> <http://bebasnews.my/2019/08/01/pameran-artifak-rasulullah-saw-banyak-manfaat/> (Diakses pada 20 Oktober 2019)